BELANJAWAN 1983: MATLAMAT SERTA BENTUK

Membendung kenaikan harga antara strateginya

Oleh
MIOR KAMARUL SHAHID

SEBAGAIMANA dimaklumkan, prospek ekonomi bagi tahun 1983 dijangka tidak memuaskan. Secara tidak langsung, kesannya akan mempengaruhi belanjawan yang akan dibentangkan 22 Oktober ini.

Akibat kemelesetan yang berterusan di negara-negara perindustrian, ekonomi Malaysia dijangka terus lemah. Mengikut jangkaan sekarang, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak lima peratus.

Kejatuhan pendapatan negara akan menjejaskan hasil kerajaan dan kesannya akan nampak dalam belanjawan nanti.

Tetapi, akibat pergolakan yang berlaku, tidak dapat diragukan bahawa Kerajaan akan bertindak menimbang langkah-langkah bagi menyelaras perbelanjaan demi mengimbangi kewangan.

Kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan ekonomi Malaysia tahun ini terutama mengenai permintaan dan harga terhadap barangan utama. Pertumbuhan KDNK merosot kepada 6.5 peratus berbanding lapan peratus dalam tahun 1980.

Mendedahkan

Imbangan negara pula menerima tekanan teruk dan akaun semasa mengalami kekurangan yang agak besar sebanyak $5.8 ribu juta.

Bagaimanapun, dengan strategi yang dilaksanakan, ekonomi Malaysia masih tetap stabil dan kadar inflasi adalah paling rendah dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia.

Ini merupakan suatu kelebihan Malaysia yang seharusnya mendapat pujian.

Kemelesetan ekonomi mendedahkan beberapa kelemahan tertentu dalam ekonomi. Ini boleh dijadikan pelajaran dan garis panduan dalam merangka strategi-strategi mengukuhkan ketahanan di masa depan.

Bak kata perpatah: 'Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan'.

Sekarang, apa pula bentuk Belanjawan 1983 nanti?

Apa yang dibayangkan, Kerajaan akan menjalankan kegiatan ekonomi dan meningkatkan produktiviti berasas kepada sumber-sumber yang ada di negara ini.

Kenaikan

Aliran ke arah pencapaian matlamat tersebut telahpun dilaksanakan peringkat demi peringkat untuk membetulkan keadaan yang selama ini diabaikan.

Meskipun begitu, kita juga pasti Kerajaan akan terus memperhebatkan rancangan yang akan memenuhi maksud pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru demi membasmi kemiskinan terutama di kawasan yang kadar kemiskinannya tinggi.

Kita juga pasti, strategi Belanjawan 1983 melibatkan usaha meningkatkan pertumbuhan dan bekalan serta membendung kenaikan harga terutama barang-barang perkhidmatan yang digunakan oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Dalam Belanjawan 1982, sejumlah $17,319 juta diuntukkan sebagai perbelanjaan mengurus dan $14,632 juta untuk pembangunan. Jumlah tersebut merupakan kenaikan $8,874 juta atau lebih kurang 38 peratus dari anggaran perbelanjaan asal bagi belanja mengurus dan pembangunan 1981 berjumlah $23,077 juta.

Berapakah pula peruntukan Belanjawan 1983 nanti?

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah ketika merasmikan Debat Ekonomi di Universiti Malaya, baru-baru ini berterus-terang menyatakan perkara tersebut masih lagi dalam kajian.

Sama ada peruntukan tahun depan akan dikurangi atau ditambah, hanya dapat ditentukan apabila Tengku Razaleigh mengemukakan belanjawan itu kepada umum di Parlimen nanti.

Pemotongan perbelanjaan $4,000 juta serta pembekuan pinjaman perumahan yang dilaksanakan baru-baru ini adalah satu hakikat yang harus diberi perhitungan oleh Kerajaan demi menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Meskipun begitu, projek-projek kepentingan rakyat tidak akan ditunda. Satu perkara penting dan perlu diberi perhatiaf wajar ialah sektor eksport. Peristiwa beberapa tahun lalu menunjukkan betapa mudahnya eksport barangan utama dan barangan perkilangan dipengaruhi oleh keadaan pasaran dunia.

Barangan

Nilai eksport jatuh 8.5 peratus dalam tahun 1981 berbanding pertumbuhan 16.3 peratus tahun sebelumnya.

Harga getah jatuh kepada purata 258.8 sen tahun 1981 berbanding 312.4 sen tahun 1980. Harga bijih timah mencapai tingkat $32.3 sekilo berbanding $35.7 pada 1980.

Eksport barangan perkilangan yang meningkat nilainya pada kadar purata tahunan sebanyak 25.3 peratus dalam tempoh 1976/1980 merosot 21 peratus tahun lalu.

Ini adalah kesan dari dasar perlindungan yang dilalankan oleh setengah negara perindustrian.

Belanjawan Negara akan memberi kesan kepada siapa sahaja tidak kira individu atau pengusaha-pengusaha.

Oleh itu, tidak hairanlah, setiap belanjawan menjadi tumpuan semua orang. Ada yang merasa lega dan mungkin pula gelisah.

Belanjawan tidak dapat memuaskan semua pihak dan tidak pula dapat menguntungkan semua pihak. Kerajaan telahpun meninjau dan mengkaji 54 memorandum yang dikemukakan berhubung dengan dialog belanjawan Jun lalu.

Berbagai perakuan dibuat. Terpulanglah kepada Kerajaan memberi pertimbangan wajar.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh telahpun mengkaji setiap aspek perakuan tersebut dengan terperinci serta mengambil-kira keadaan ekonomi dunia dan tempatan sekarang.

Perakuan-perakuan tersebut mungkin ada yang diterima dan mungkin pula akan terus dikaji untuk masa akan datang.

Apakah bentuk perakuan yang dikemukakan oleh mereka yang mewakili berbagai masyarakat dan golongan itu?

Antaranya, Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mahukan elauns eksport dua peratus dinaikkan kepada lima peratus untuk membantu eksport Malaysia lebih bersaing.

Elaun pelaburan semula juga diminta supaya diluaskan hingga tahun taksiran 1986.

FMM juga mahukan beberapa galakan disediakan termasuk modal pelaburan dan mengadakan kadar elaun modal bagi bangunan yang digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan.

Pertubuhan Akitek Malaysia mencadangkan supaya tempoh perkhidmatan para akitek selama dua tahun kepada Kerajaan hendaklah dihapuskan untuk membolehkan tenaga arkitek digunakan lebih berkesan.

Pertubuhan itu juga mahukan Kerajaan mengadakan satu dasar supaya firma bertaulah yang mempunyai pengalaman yang cukup menjalankan projek-projek. Ini bertujuan menggalakkan mereka menubuhkan kumpulan yang lebih besar dan berkesan.

Di samping mengurangkan kelewatan sama ada di sektor awam dan swasta, pertubuhan itu juga mahukan notis yang lebih awal bagi membolehkan sektor awal bersiap sedia dengan tenaga kerja dan lain-lain keperluan.

Pertubuhan itu juga menggesa supaya duti import dan cukai ke atas komputer 'hardware' dan semua bahan-bahan 'software' dikecualikan.

Menurut Persatuan itu, galakan kontrak harus juga diadakan.

Dikecualikan

Institut Juruterа-Jurutera Malaysia pula mahukan Kerajaan menggunakan sepenuhnya pakar-pakar tempatan.

Ia juga mahukan supaya persatuan-persatuan profesional yang tidak membuat untung dikecualikan dari cukai ke atas pendapatan yang diperolehi dari ahli-ahli melalui bayaran yuran.

Institut juga mahukan pelaksanaan segera undang-undang kecil binaan.

Persatuan Pekilang-Pekilang Pengeluar Bahan Getah meminta konsesi kadar elektrik dipanjangkan kepada pengguna industri kecil memandangkan kilang-kilang kecil dan sederhana merupakan majoriti mengeluarkan bahan getah di negara ini.

Ia juga mahukan Kerajaan mengecualikan cukai jualan lima peratus ke atas eksport keluaran getah di samping mahukan satu skim pampasan kadar tambang bagi eksport.

Persatuan juga mahukan kadar elaun eksport ke atas jumlah nilai eksport dinaikkan dari dua kepada enam peratus membolehkan harga eksport bersaing.

Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang dalam memorandumnya menyeru supaya import tarif bagi keluaran pengguna dan industri dikurangkan. Contoh yang diberikan ialah supaya duti import bagi limau dan basikal dikurangkan. Ia juga mahukan supaya usaha dijalankan ke arah meningkatkan pengeluaran makanan dan mengurangkan harga gula.

Persatuan itu juga mahukan supaya duti import bagi alkohol dan tembakau dinaikkan sementara cukai jalan bagi kenderaan yang mempunyai kuasa tinggi dinaikkan untuk menjimatkan tenaga.

Banyak lagi cadangan yang dikemukakan. Terpulanglah kepada Kerajaan setelah menimbangnya dengan teliti untuk melaksanakan atau mengkajinya terus demi kebaikan rakyat dan negara.

●MENTERI Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah diapit oleh kedua Timbalannya, Dr. Ling Lieng Sik (kiri) dan Encik Sahauddin Chik, sewaktu mempengerusikan dialog Belanjawan 1983 di Kementerian Kewangan beberapa bulan lalu.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia